



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry Of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072
Faks : 03-8889 5124
Laman web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.BT.700-3/28/1 (62)
Tarikh : 01 November 2023

Semua Ketua Jabatan / Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Semua Pengarah Institusi Pendidikan
Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua Sekolah Menengah
Semua Guru Besar Sekolah Rendah

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN ARAHAN POTONGAN GAJI TERHADAP
PENERIMA TAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)
MUNGKIR PERJANJIAN BIASISWA/ CUTI BELAJAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang layak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi memastikan objektif penajaan dipenuhi dan jaminan pulangan ke atas pelaburan Kerajaan, penerima tajaan telah menandatangani ikatan perjanjian di samping mematuhi syarat serta peraturan penajaan yang ditetapkan oleh KPM.

..2/-

-2-

3. Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana terma atau syarat perjanjian, KPM akan menguatkuasakan perjanjian yang telah ditandatangani serta mengurus tindakan penguatkuasaan kutipan bayaran balik ganti rugi mungkir perjanjian biasiswa/ cuti belajar tersebut. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Biasiswa (MLB) Bil.1/2023 pada 29 Ogos 2023, Ketua Jabatan perlu melaksanakan **tindakan Arahan Potongan Gaji (APG) mandatori kepada semua pegawai yang berkhidmat di sektor awam dan telah menerima Notis Tuntutan Ganti Rugi** mungkir perjanjian biasiswa/ cuti belajar KPM. Ketua Jabatan juga perlu memastikan **semua hutang dicatat dengan lengkap dan tepat di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai dan Sijil Akaun Berhutang (SAB) kepada bakal pesara** bagi mengelakkan sebarang permasalahan kepada bakal pesara KPM.

4. Pelaksanaan potongan gaji ini bertujuan memastikan pegawai membuat bayaran dengan konsisten, menyelesaikan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan dan mengurangkan Akaun Belum Terima (ABT) KPM bagi mengelakkan kehilangan wang awam yang merugikan Kerajaan. Perkara ini adalah selaras dengan perenggan 4.3.1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP10.3: Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam yang menyatakan bahawa usaha untuk memungut hutang atau hasil yang tertunggak hendaklah melalui proses undang-undang dan proses pentadbiran biasa. Meskipun terdapat kes tunggakan yang telah melampaui tempoh yang ditetapkan di dalam Akta Had Masa 1953 (Akta 254), KPM hendaklah memastikan proses kutipan dilaksanakan menerusi proses pentadbiran biasa untuk mendapatkan hutang dan hasil dengan apa cara sekalipun selain daripada tindakan sivil ke atas semua kes tunggakan.

..3/-

-3-

5. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan kepada pegawai berkenaan hendaklah memastikan potongan gaji dibuat berdasarkan jadual potongan gaji yang ditetapkan melalui Sistem Gaji Berkomputer dan butir-butir Kod Potongan adalah seperti berikut:

Kod Potongan : 4025
Kod Hasil : H0176103

6. Sekiranya Ketua Jabatan gagal untuk melaksanakan arahan ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil di bawah Peraturan 4 (2) (i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

7. YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, diminta mengedarkan surat siaran ini kepada semua pegawai di semua Bahagian/ Jabatan/ Institusi Pendidikan/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi :


No. Telefon : 03-8321 7110 / 7095 / 7092 / 7096
E-mel : unitgantirugi@moe.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA NIK NASARUDIN BIN MOHD ZAWAWI)

-4-

s.k

1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar dan Kokurikulum)
5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesional)